

FAQ – UNIT WTD

PEMERIKSAAN SYARIKAT / FIRMA

Adakah tarikh pemeriksaan boleh ditunda disebabkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan?

Ya, tarikh pemeriksaan akan ditunda dan pemeriksaan hanya dilakukan setelah tamatnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Tarikh pemeriksaan yang baru akan dimaklumkan kelak.

Jika terdapat syarikat/ firma yang enggan membuat bayaran kepada pemiutang, adakah syarikat/ firma boleh membuat aduan kepada Pejabat Pendaftar?

Pihak syarikat/ firma boleh memberikan maklumat pemiutang kepada mana-mana Pejabat Penolong Pendaftar dan pemeriksaan dokumen serta rekod kewangan di bawah Seksyen 12 Akta WTD 1965 boleh dilakukan ke atas syarikat/firma bagi memastikan kepatuhan syarikat/ firma terhadap Akta.

Hasil dari pemeriksaan ke atas syarikat didapati syarikat mempunyai WTD tertunggak bagi tahun kewangan terdahulu. Bilakah serahan tersebut perlu dibuat?

Semasa Akuan Lawatan Pemeriksaan Premis (ALPP) dikeluarkan syarikat akan diberi tempoh 30 hari untuk mengemukakan maklumbalas. Selepas tempoh tersebut sekiranya pihak syarikat masih belum dapat membuat serahan, syarikat perlu mengemukakan surat permohonan penangguhan serahan.

SERAHAN

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020, adakah tarikh serahan dilanjutkan atau masih kekal pada 31 Mac 2020?

Tarikh akhir serahan Wang Tak Dituntut (WTD) sepatutnya adalah pada 31 Mac 2020. Namun di atas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diwartakan oleh kerajaan di dalam usaha mengekang penularan COVID -19 Pendaftar WTD telah melanjutkan tempoh serahan selewat-lewatnya sehingga 28 Mei 2020.

TUNTUTAN

Apakah status permohonan bayaran balik tuntutan WTD yang telah dihantar sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa?

Permohonan bayaran balik tuntutan WTD yang telah dihantar sebelum Perintah Kawalan Pergerakan masih diproses seperti biasa.

Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan tuntutan bayaran balik WTD yang telah dihantar ke Pejabat Pendaftar WTD.

Notifikasi pemakluman pembayaran akan dihantar kepada emel penuntut. Selain itu pelanggan juga boleh menyemak status permohonan bayaran balik tuntutan WTD melalui emel tuntutan.bwtd@anm.gov.my

Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pemohon meninggal dunia sebelum bayaran balik permohonan tuntutan WTD dibuat?

Sekiranya berlaku sebarang kematian, waris (kepada pemohon) perlu menghubungi Pejabat Pendaftar WTD iaitu Bahagian Wang Tak Dituntut (BWTD) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk menghentikan proses pembayaran kepada pemohon asal. Seterusnya pihak waris perlu mengemukakan borang permohonan tuntutan baru mengikut prosedur yang ditetapkan (bagi kes kematian).

Apakah yang perlu dilakukan oleh pemohon sekiranya nombor akaun bank yang dikemukakan di dalam borang tuntutan (UMA-7) telah tidak aktif?

- i) Sekiranya pembayaran masih belum dibuat, sila aktifkan akaun bank yang telah dikemukakan atau pemohon boleh mengemukakan akaun bank aktif yang lain dengan segera;
- ii) Sekiranya pembayaran telah dibuat, pemohon perlu merujuk kes ini dengan pihak BWTD Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) terlebih dahulu bagi mendapatkan pengesahan serta tatacara penggantian EFT yang ditolak.

Bolehkah semakan WTD dibuat untuk pihak ketiga. Contoh; Bapa saudara yang telah uzur dan tiada waris terdekat?

- i) Semakan di kaunter oleh pihak ketiga adalah dibenarkan sekiranya mempunyai dokumen lengkap seperti kad pengenalan asal (wakil), salinan kad pengenalan pihak ketiga dan surat kuasa dari mahkamah yang menyatakan dengan jelas maklumat kedua-dua pihak.
- ii) Semakan juga boleh dibuat secara atas talian melalui laman eGUMIS.

Hasil semakan yang dibuat melalui Sistem eGUMIS, terdapat maklumat WTD di atas nama saya dan isteri. Bagaimana tuntutan boleh dibuat?

Kedua-dua maklumat empunya perlu dipastikan adalah lengkap seperti nama, no kad pengenalan atau passport. Sekiranya terdapat perbezaan maklumat kad pengenalan atau passport, surat pengesahan dari entiti yang membuat serahan perlu diperolehi. Bayaran akan dibuat ke akaun bersama empunya atau bayaran sama rata kepada kedua-dua empunya.

Saya telah menerima surat dari pihak bank yang menyatakan bahawa akaun simapanan saya telah tidak aktif dan telah diserahkan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Namun setelah semakan dibuat, maklumat tersebut tiada di dalam eGUMIS.

Empunya WTD perlu membuat semakan semula dengan pihak entiti yang membuat serahan.

i) Sekiranya serahan baru sahaja dibuat pada tahun yang sama semasa semakan dibuat, berkemungkinan maklumat serahan WTD masih belum lagi dimuat naik ke dalam eGUMIS. Tempoh akhir serahan adalah pada 31 Mac setiap tahun. Pihak Pendaftar WTD memerlukan tempoh bagi memproses semua serahan sebelum semua data tersebut dapat dimuatnaik ke dalam Sistem eGUMIS.

ii) Namun sekiranya serahan telah dibuat pada tahun-tahun sebelumnya, empunya perlu mendapatkan surat pengesahan dari pihak entiti bagi membolehkan semakan lanjut dibuat.